

08 AUG 2003

Mahathir-Pembangunan

K'JAAN TIDAK PERNAH ABAI KEPENTINGAN RAKYAT SABAH, SARAWAK

PENAMPANG, 8 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kerajaan pusat tidak pernah mengabaikan kepentingan rakyat Sabah dan Sarawak, terutamanya dari segi pembangunan.

Sebaliknya, Sabah dan Sarawak menerima peruntukan paling besar berbanding negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia, kata Perdana Menteri.

"Untuk membolehkan Sabah dan Sarawak berlumba dengan Semenanjung, kita (kerajaan pusat) beri peruntukan lebih besar. Sabah adalah kedua terbesar (peruntukan) dan terbesar ialah Sarawak," katanya ketika merasmikan Kongres Tahunan Kesembilan Pertubuhan Pasok Momogun Kadazandusun Murut Bersatu (UPKO) di Dewan Pusat Kebudayaan Sabah di sini.

Dr Mahathir berkata ini adalah hasil daripada konsep Barisan Nasional (BN) yang mengambil kira kepentingan semua kaum di Malaysia.

"Kita lihat projek-projek binaan sekolah diluar bandar bertambah sehingga nampak lebih serupa dengan resort daripada sekolah (sangat cantik).

"Kita hendak beri peruntukan kepada Sabah yang setimpal diberikan kepada Semenanjung. Inilah kelebihan konsep BN...kita selalu mendengar rintihan rakyat termasuk di Sabah," katanya.

Oleh itu, Dr Mahathir meminta rakyat Sabah supaya terus menyokong BN yang telah membuktikan keupayaannya membangunkan negeri ini dengan baik.

Beliau berkata selepas 46 tahun merdeka, Malaysia menikmati pembangunan yang begitu luar biasa apabila negara mengatasi negara-negara lain yang telahpun merdeka terdahulu atau hampir sama dengannya.

Satu daripada kunci kejayaan negara ialah berjaya menyatupadukan semua kaum di negara ini tanpa ada sebarang permusuhan serta saling percaya mempercayai, katanya.

Perdana Menteri berkata negara luar juga kagum dengan Malaysia atas kejayaannya itu dan oleh sebab itu ramai pemimpin negara maju seperti Jerman, Perancis dan Rusia datang ke sini untuk melihat sendiri bagaimana Malaysia berjaya menyatupadukan rakyatnya.

Mengenai UPKO, Dr Mahathir berharap parti itu akan diwakili dalam kabinet negara.

"Tetapi kita tidak boleh berharap jadi senator. Kita mahu pemimpin yang dipilih oleh rakyat, boleh berkhidmat lebih lama," kata Perdana Menteri yang juga Pengerusi BN.

Beliau merayu rakyat Sabah, khususnya masyarakat Kadazandusun Murut supaya memberi sokongan padu kepada UPKO pada pilihan raya akan datang.

Dr Mahathir berharap apabila pembahagian kerusi diselesaikan, semua parti komponen BN menyokong calon yang dipilih tanpa mengira dari mana-mana parti.

"Kalau kita hanya mementingkan kaum sendiri sahaja, sudah tentu kerajaan yang akan ditubuhkan lemah kerana tumpuannya bukan kepada pembangunan tetapi menyelesaikan masalah politik semata-mata.

"Apabila kerajaan kuat, pembangunan negara dapat dijalankan dengan lancar dan inilah yang dilaung-laungkan melalui konsep pengkongsian kuasa BN, tidak ada kaum diabaikan," katanya

-- BERNAMA

NT MFJ RON